

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTAJAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.11.2017

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pecahan pinjaman bank mengikut sektor dan nilainya, bagi tempoh 2008-2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti pembiayaan sistem perbankan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.2% pada bulan September 2017 (kadar pertumbuhan tahunan terkompoun 2008 - 2017: 9.1%) kepada RM1,561 bilion.

Kadar pertumbuhan pembiayaan sistem perbankan yang lebih sederhana dalam beberapa tahun kebelakangan ini mencerminkan pembangunan pasaran kewangan domestik yang lebih pesat dengan peningkatan peranan pasaran modal sebagai sumber alternatif bagi pendanaan untuk perniagaan.

Pecahan pinjaman mengikut sektor bagi tempoh 2008 hingga 2017 adalah seperti berikut :